

BERITA HARIAN, SELASA, 2 FEBRUARI, 1982

Kacau sidang UMNO, amaran Dr. M

KUALA LUMPUR, Isnin. — Presiden UMNO Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran keras akan mengambil tindakan disiplin tegas terhadap ahli-ahli UMNO yang menimbulkan kekacauan dalam sebarang mesyuarat parti.

Tindakan disiplin itu akan dikenakan kepada ahli-ahli yang tidak mematuhi peraturan atau perlembagaan parti kerana ia boleh menimbulkan kekacauan dalam mesyuarat parti.

"Mereka yang tidak mematuhi peraturan mestilah dikenakan tindakan. Ini merupakan perkara biasa yang dilakukan kepada sesiapa saja yang membuat kesalahan," tegas Datuk Seri Dr. Mahathir berhubung dengan kekacauan yang timbul dalam mesyuarat UMNO

Bahagian Rantau Panjang, Kelantan Sabtu lalu.

Mesyuarat UMNO Bahagian Rantau Panjang itu terpaksa ditangguhkan beberapa jam kerana berlakunya pertentangan hingga baling membaling kerusi antara penyokong-penyokong dua calon yang bertanding merebut Ketua Bahagian itu, dan polis melepaskan tembakan ke udara sebagai amaran.

Datuk Hussein Ahmad, Timbalan Menteri Besar Kelantan yang bertanding mengekalkan jawatannya sebagai Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang ditenang oleh Encik Hassan Abdullah. Kekecohan berlaku kerana pihak calon yang menentang tidak puas hati dengan peraturan kertas pengundian.

Bagaimanapun, menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, kekacauan yang berlaku itu bukanlah sesuatu yang serius, sebaliknya menunjukkan betapa ghalibnya ahli-ahli UMNO berpolitik.

"Saya yakin ahli-ahli UMNO semuanya matang dan waras berpolitik dan kekecohan itu berlaku hanya di bahagian yang sensitif saja," tambah beliau.

Walaupun peristiwa itu merupakan kali pertama dalam sejarah mesyuarat UMNO Bahagian, Perdana Menteri selaku Presiden UMNO tidak merasa bimbang kerana beliau yakin ahli-ahli UMNO semuanya waras berpolitik.

"Semua ahli-ahli UMNO sedar tidak ada gunanya mereka bercakar sesama sendiri kerana ini akan membawa kerugian kepada mereka juga," tambah beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, UMNO Pusat tidak akan mengambilalih sebarang mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian.

Katanya, UMNO Pusat sedar dan tahu UMNO Bahagian mana yang menghadapi masalah atau kekecohan.

Perdana Menteri yang ditemui selepas upacara perasmian Bandar Tun Razak, nama baru Kampung Konggo dekat sini, bagaimanapun belum menerima laporan lengkap berkenaan kejadian di Rantau Panjang itu.

Sementara itu mesyuarat Pemuda UMNO Cawangan Tanjung Leboh, Pulau Pinang semalam, juga dilaporkan mengalami kekecohan yang berpunca dari pertengkaran antara dua pihak yang tidak berpuashati dengan pengerusi mesyuarat.

Bagaimanapun ketegangan yang berlaku 20 minit selepas mesyuarat itu berjalan, bersurai begitu saja selepas ahli-ahli jawatankuasa UMNO cawangan itu keluar dari bilik mesyuarat.